

**PENAWAR Nafi Desak Perdana Menteri Letak Jawatan
Bernama
Ogos 04, 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Pertubuhan Bekas Wakil Rakyat Umno (PENAWAR) menafikan bahawa pihaknya mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meletak jawatan seperti yang dinyatakan dalam sebuah blog.

Presiden PENAWAR Tan Sri Abdul Aziz Shamsuddin berkata PENAWAR tidak pernah membuat keputusan mendesak Perdana Menteri supaya meletak jawatan.

"Kita berasa kesal bila ada pihak yang menyatakan PENAWAR membuat keputusan supaya beliau turun dan ini tidak betul kerana kami menghormati Perlembagaan dan juga rasa tanggungjawab kepada Umno," katanya.

Abdul Aziz berkata penubuhan PENAWAR dibuat pada 14 Dis 2009 dengan tujuan menyokong kerajaan yang ada kerana ia telah memberi banyak khidmat dan keuntungan kepada seluruh warga negara ini.

"PENAWAR datang dengan hasrat memberi pandangan dan menyokong Perdana Menteri supaya beliau dapat menjalankan tugasnya dengan baik," katanya di sini. Beliau berkata PENAWAR tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap penulis blog msomelayu.blogspot.com Mohd Sayuti Omar.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=606094>